



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

**LAPORAN HARIAN ISNIN, 1 SEPTEMBER 2025**



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN



TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



1/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>SELANGOR PERKENAL GARIS PANDUAN BAHRU PUSAT PENJAGAAN ELAK PENDERERAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/745927/edisi/selangor-kl/selangor-perkenal-garis-panduan-baharu-pusat-penjagaan-elak-penderaan">https://www.sinarharian.com.my/article/745927/edisi/selangor-kl/selangor-perkenal-garis-panduan-baharu-pusat-penjagaan-elak-penderaan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/112212/selangor-to-launch-new-guidelines-for-care-centres-to-prevent-abuse">https://www.thevibes.com/articles/news/112212/selangor-to-launch-new-guidelines-for-care-centres-to-prevent-abuse</a>	THEVIBES.COM	
2	<b>GURU TASKA DISIASAT DISYAKI DERA KANAK-KANAK DUA TAHUN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/guru-taska-disiasat-disyaki-dera-kanak-kanak-dua-tahun/">https://www.buletintv3.my/nasional/guru-taska-disiasat-disyaki-dera-kanak-kanak-dua-tahun/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1440685/pukul-kepala-tarik-rambut-heret-budak-2-tahun-guru-taska-ditahan-kes">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1440685/pukul-kepala-tarik-rambut-heret-budak-2-tahun-guru-taska-ditahan-kes</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/31/guru-taska-dipercayai-dera-kanak-kanak-ditahan">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/31/guru-taska-dipercayai-dera-kanak-kanak-ditahan</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/08/guru-taska-heret-pukul-kepala-kanak-kanak-perempuan/">https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/08/guru-taska-heret-pukul-kepala-kanak-kanak-perempuan/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746007/berita/semasa/guru-taska-tarik-rambut-pukul-budak-dua-tahun-ditahan">https://www.sinarharian.com.my/article/746007/berita/semasa/guru-taska-tarik-rambut-pukul-budak-dua-tahun-ditahan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
2	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?news.php?id=2462732">https://www.bernama.com/bm/news.php?news.php?id=2462732</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1258848/guru-taska-disiasat-dipercayai-dera-budak-usia-dua-tahun">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1258848/guru-taska-disiasat-dipercayai-dera-budak-usia-dua-tahun</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/08/31/heret-budak-guna-kaki-pukul-kepala-guru-taska-ditahan/">https://www.kosmo.com.my/2025/08/31/heret-budak-guna-kaki-pukul-kepala-guru-taska-ditahan/</a>	KOSMO.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



1/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>WANITA DITAHAN DISYAKI SEMBUNYI KELAHIRAN BAYI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-ditahan-disyaki-sembunyi-kelahiran-bayi/">https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-ditahan-disyaki-sembunyi-kelahiran-bayi/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/08/31/wanita-datang-klinik-kerana-pendarahan-bongkar-pembuangan-bayi/">https://malaysiagazette.com/2025/08/31/wanita-datang-klinik-kerana-pendarahan-bongkar-pembuangan-bayi/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>POLIS SIASAT IBU REMAJA PEREMPUAN JADI MANGSA ROGOL BAPA TIRI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/polis-siasat-ibu-remaja-perempuan-jadi-mangsa-rogol-bapa-tiri/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/polis-siasat-ibu-remaja-perempuan-jadi-mangsa-rogol-bapa-tiri/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/08/31/ibu-mangsa-turut-disiasat-kes-bapa-tiri-usik-remaja-perempuan/">https://www.kosmo.com.my/2025/08/31/ibu-mangsa-turut-disiasat-kes-bapa-tiri-usik-remaja-perempuan/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/745965/berita/semasa/kes-rogol-anak-tiri-pemeriksaan-doktor-mendapati-ada-kesan-koyakan-lama---polis">https://www.sinarharian.com.my/article/745965/berita/semasa/kes-rogol-anak-tiri-pemeriksaan-doktor-mendapati-ada-kesan-koyakan-lama---polis</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Selangor perkenal garis panduan baharu pusat penjagaan elak penderaan



MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

31 Ogos 2025 12:10pm



Anfaal Saari

SELAYANG – Kerajaan Selangor akan melancarkan garis panduan baharu bagi memperkasakan pusat penjagaan termasuk taska, tadika, pusat jagaan warga emas dan OKU dalam usaha memastikan keselamatan kanak-kanak serta mengelakkan berulangnya kes penderaan.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Shaari berkata, garis panduan itu kini di peringkat akhir penambahbaikan dan dijangka dilancarkan sekitar Oktober atau November ini selepas mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Antara usaha kita ialah mewujudkan safe space dengan menambah baik kualiti pusat penjagaan melalui garis panduan seragam yang dapat mengurangkan birokrasi dan pada masa sama memastikan pengusaha mematuhi piawaian kualiti serta keselamatan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Karnival Sukan Rakyat dan Kebudayaan sempena Hari Kemerdekaan di Padang Awam Selayang Indah, di sini pada Ahad.

Baru-baru ini, dua kes penderaan kanak-kanak di Kuala Selangor menjadi perhatian ramai.

Dalam kes pertama, seorang wanita berusia 54 tahun dihukum penjara lapan tahun pada 4 Julai lalu selepas didapati bersalah mendera anak angkatnya berusia 13 tahun menggunakan lesung batu, alu dan pisau antara tahun 2016 hingga 2018 sehingga menyebabkan kecederaan serius.

Kes kedua pula, seorang gadis berusia 13 tahun pula diselamatkan di Taman Bendahara selepas didapati diabaikan ibu angkatnya sehingga sering kelaparan, tidak bersekolah dan terpaksa merayau mencari makanan. Kes berkenaan terbongkar susulan laporan seorang sukarelawan NGO pada 5 Julai lalu.

Mengulas mengenai perkembangan itu, Anfaal menjelaskan, kesedaran masyarakat untuk melaporkan kejadian penderaan kepada pihak berkuasa kini semakin meningkat.

"Dulu ada kes penderaan yang tidak dilaporkan kerana bimbang tindakan dikenakan terhadap pelapor, namun kini komuniti lebih berani tampil. Ini menunjukkan kesedaran semakin tinggi dan ia sangat membantu pihak berkuasa serta Jabatan Kebajikan Masyarakat," ujarnya.

Menurut beliau, usaha menangani penderaan kanak-kanak perlu dilihat secara menyeluruh termasuk faktor kesihatan mental dan tekanan ekonomi dalam kalangan ibu bapa atau penjaga.

Di tanya mengenai cadangan talian khas negeri, Anfaal berkata buat masa ini kerajaan negeri memilih untuk menggunakan talian sedia ada di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) seperti Talian Kasih 15999.

Pada masa sama, kerajaan negeri juga bekerjasama dengan Exco Agama, Dr. Fahmi Ngah untuk menambah baik aspek keselamatan di institusi berasrama di bawah bidang kuasa negeri seperti pusat tahfiz dan asrama berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Kita mahu pelajar ini ada ruang untuk melaporkan, diberi kesedaran tentang apa yang betul dan salah supaya tidak menjadi mangsa senyap. Contohnya, jika disentuh secara tidak wajar atau dimaki, mereka tahu perkara itu salah dan perlu dilaporkan," tambahnya.



Anfaal (kiri) ditemui pada Karnival Sukan Rakyat dan Kebudayaan sempena Hari Kemerdekaan di Padang Awam Selayang Indah pada Ahad.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Guru taska disiasat disyaki dera kanak-kanak dua tahun

🕒 31 Ogos 2025, 9:55pm



**SHAH ALAM:** Guru taska di Bandar Rimbayu, Kuala Langat disiasat, selepas dipercayai mendera kanak-kanak perempuan berusia dua tahun pada 18 Ogos lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Mohd Akmalrizal Radzi berkata, guru wanita berusia 38 tahun sebelum itu ditahan reman lima hari selepas polis menerima laporan dibuat ibu mangsa pada 9 malam 24 Ogos lalu.

Katanya, dalam kejadian kira-kira 6 petang itu, guru berkenaan didakwa mengheret mangsa dari kelas ke bilik air dengan menarik rambutnya selain suspek turut didakwa memukul kepala kanak-kanak itu menggunakan tudung saji kecil dan botol air.

"Kejadian dimaklumkan oleh guru lain kepada ibu mangsa. Wanita itu kemudian meminta rakaman kamera litar tertutup (CCTV) sebagai bukti sebelum membuat laporan polis," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, wanita berkenaan meneliti rakaman CCTV itu pada 22 Ogos dan mendapati kejadian benar-benar berlaku, dengan suspek turut dilihat mengheret mangsa menggunakan kaki dari kelas hingga ke bilik air.

Untuk itu katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan suspek diberi jamin polis selepas tamat tempoh reman selama lima hari.

"Orang awam yang mempunyai maklumat lanjut berhubung kejadian diminta tampil ke balai polis berhampiran atau menghubungi bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat di talian 03-31872222," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Wanita ditahan disyaki sembunyi kelahiran bayi

④ 31 Ogos 2025, 11:46pm



Oleh: Kumaran Rajamoney

**GERIK:** Polis menahan seorang wanita berusia 18 tahun selepas disyaki menyembunyi kelahiran, dan menemukan bayinya dalam keadaan meninggal dunia di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kemar, di sini.

Ketua Polis Perak, Datuk Noor Hisam Nordin, dalam satu kenyataan memaklumkan wanita itu dilaporkan hadir ke Klinik Kesihatan di RPS Kemar dalam keadaan pendarahan serius kira-kira jam 5.30 petang tadi.

Hasil pemeriksaan awal oleh petugas klinik mendapati terdapat koyakan besar pada kemaluannya.

Wanita itu kemudiannya mengaku baru sahaja bersalin sendirian di rumah sebelum membuang bayinya di belakang rumah.

Susulan maklumat itu, polis yang menjalankan siasatan di lokasi kejadian menemukan bayi lelaki terbarit dan disahkan meninggal dunia.

Kes disiasat di bawah Seksyen 318 Kanun Keseksaan.



PADA 31 OGOS 2025 LEBIH KURANG PUKUL 5.30 PETANG, PIHAK IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) GERIK TELAH MENERIMA PANGGILAN DARIPADA PETUGAS KLINIK KESIHATAN RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA (RPS) KEMAR MEMAKLUMKAN MENGENAI SEORANG PESAKT WANITA ORANG ASLI BERUMUR 18 TAHUN YANG HADIR DALAM KEADAAN PENDARAHAN SERIUS DI BAHAGIAN KEMALUANNYA.

HASIL SIASATAN AWAL, PEMERIKSAAN OLEH PHAK KLINIK KESIHATAN MENDAPATI TERDAPAT KOYAKAN BESAR PADA KEMALUAN MANGSA WANITA TERSEBUT KEMUDIANNYA TELAH MENGAKU BAHWA DIA BARU SAHAJA BERSALIN BERSENDIRIAN DI RUMAH DAN BERTINDAK MEMBUANG BAYI YANG DILAHIRKAN TERSEBUT DI BELAKANG RUMAHNYA.

SUSULAN MAKLUMAT TERSEBUT, PIHAK POLIS TELAH MENJALANKAN SIASATAN LANJUT DI LOKASI KEJADIAN DAN MENJUMPPI BAYI TERSEBUT YANG DISAHAN MENINGGAL DUNIA. KES DISIASAT DI BAWAH SEKSYEN 318 KANUN KESIKSAAN.

PIHAK POLIS MEMANDANG SERIUS KES SEUMPAMA INI DAN MENASIHATKAN ORANG RAMAI AGAR TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN YANG MENYALAHI UNDANG - UNDANG.

(DATO' NOOR HISAM BIN NORDIN) CP

KETUA POLIS PERAK

-TAMAT-

(Dikeluarkan pada 31 Ogos 2025 pukul 11.00 malam)

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



Polis siasat ibu remaja perempuan jadi mangsa rogol bapa tiri



Oleh OTHMAN YAHAYA | 31 Ogos 2025, 1:50 pm

SUNGAI PETANI: Polis akan turut membuka kertas siasatan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) terhadap ibu remaja perempuan yang menjadi mangsa rogol bapa tirinya dalam kejadian di Gurun, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramli berkata, siasatan awal mendapati mangsa pernah memberitahu ibunya yang dia telah dirogol beberapa kali sebelum ini oleh bapa tirinya namun wanita itu tidak mempercayainya.

"Kami sedang meneliti rakaman percakapan mangsa yang memaklumkan dia pernah beritahu ibunya tentang kejadian itu namun ibu mangsa memarahinya kerana mengada-ngadakan cerita.

"Jika siasatan mendapati terdapat unsur pengabaian kami akan mengambil tindakan terhadap ibu mangsa," katanya semasa ditemui pada majlis larian Merdeka 2025 di sini.

Menurut Hanyan, hasil keputusan pemeriksaan perubatan terhadap mangsa mendapati terdapat banyak kesan koyakan lama di kemaluannya.

"Mangsa turut memaklumkan yang dia telah menjadi mangsa perbuatan jahat bapa tirinya itu lebih enam bulan lalu.

"Kejadian itu semuanya berlaku di dalam rumah yang didiami oleh mangsa bersama tiga beradik kandungnya serta empat adik beradik tiri yang berumur antara lapan hingga 17 tahun," katanya.

Menurut Hanyan, perbuatan itu dilakukan terhadap mangsa secara bersembunyi dan polis turut menyiasat sekiranya mangsa pernah diugut untuk tidak menceritakan kejadian itu kepada sesiapa.

"Kami akan memanggil saudara kandung mangsa dan saudara tiri perempuan yang lain untuk dirakam percakapan sama ada mereka turut pernah dirogol bapa tiri yang merupakan seorang peniaga itu," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang lelaki berusia 32 tahun ditahan polis kerana disyaki terlibat dalam kes rogol anak tiri berusia 13 tahun.

Perbuatan suspek terbongkar selepas mangsa menceritakan perkara itu kepada gurunya yang bertindak membuat laporan polis setelah mangsa dilihat berada dalam keadaan murung dan suka menyendiri sejak kebelakangan ini. – [UTUSAN](#)